




e-LEARNING

PERAKAUNAN AKRUAN

Knowledge Management
PPPA

Bil 01/2012



Dasar Perakaunan VS ASAS AKRUAN ASAS TUNAI

PENGENALAN

- Dasar Perakaunan semasa yang digunakan bagi memperakaunkan **Akaun Kerajaan Persekutuan** ialah perakaunan berdasarkan tunai ubahsuai.
- "Asas Tunai Ubahsuai"** adalah berdasarkan asas tunai tetapi dibuat sedikit ubahsuai terhadap pembayaran perbelanjaan dan terimaan hasil selaras dengan kesesuaian dan keperluan perakaunan kerajaan. Ubahsuai yang dibuat adalah ke atas tempoh perakaunan yang telah dilanjutkan menjadi tiga belas (13) bulan di mana perbelanjaan dan hasil masih boleh dibayar/diterima dan diperakaunkan bagi tahun tersebut.

PERAKAUNAN ASAS TUNAI?

Pengiktirafan yang hanya akan dibuat berdasarkan kepada penerimaan atau pembayaran tunai sahaja. Urusniaga **belum terima** atau **belum bayar** tidak akan direkod. Aset bukan semasa dan liabiliti tidak diiktiraf dan tidak direkod.


PERAKAUNAN ASAS AKRUAN?

Pengiktirafan akan dibuat apabila sesuatu urusniaga dilakukan walaupun **tunai belum dibayar** atau **diterima**. Urusniaga tersebut tetap akan direkod pada tarikh urusniaga berlaku. Aset bukan semasa dan liabiliti diiktiraf dan direkod.

PERBANDINGAN ASAS TUNAI DENGAN ASAS AKRUAN

	ASAS TUNAI	ASAS AKRUAN
HASIL	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada penerimaan tunai.	Pengiktirafan dibuat apabila hasil telah dikenalpasti boleh atau layak diterima pada sesuatu masa walaupun penerimaan tunai belum berlaku.
BELANJA	Pengiktirafan dan perekodan hanya dibuat berdasarkan kepada pembayaran tunai.	Pengiktirafan dibuat apabila urusniaga perbelanjaan berlaku walaupun pembayaran belum dibuat.
ASET BUKAN SEMASA	Dikenakan sepenuhnya kepada perbelanjaan pada masa ianya diperolehi. Tiada belanja susutnilai.	Diiktiraf dan direkodkan selama tempoh usia guna serta dipermodalkan. Susutnilai dikenakan sepanjang tempoh penggunaan.
LIABILITI	Tidak diiktiraf atau direkodkan.	Tanggungan/Obligasi yang perlu dibayar tetapi belum dibuat bayaran akan diiktiraf dan direkodkan.

CONTOH



ASAS TUNAI

: Hasil dan belanja diiktiraf pada 05 Mei 2015 apabila **TUNAI DITERIMA** dan **DIBAYAR**.

ASAS AKRUAN

: Hasil dan belanja diiktiraf pada 25 April 2015 iaitu bersamaan dengan tarikh **PENGHANTARAN** dan **PENERIMAAN INVOIS**.

ASAS TUNAI

KEBAIKAN	KELEMAHAN
Bercirikan keobjektifan di mana hanya tunai digunakan sebagai asas pengiktirafan hasil dan belanja, maka pertimbangan subjektif kurang diperlukan.	Menafikan prinsip pengiktirafan hasil dan prinsip pemanfaatan di mana ia tidak memadankan hasil yang diperolehi dengan belanja yang dilibatkan dalam mendapatkan hasil yang berkenaan dalam tempoh yang sama.
Memudahkan penentuan dan perancangan tunai kerana menunjukkan aliran masuk dan keluar tunai (hasil dan belanja) serta lebihan atau kurangan tunai dalam sesuatu tempoh.	Tidak dapat mengukur prestasi operasi atau keuntungan entiti dalam sesuatu tempoh dengan tepat kerana kiraan untung atau rugi hanya mengambil kira tunai diterima daripada hasil dan tunai yang dibayar untuk belanja.
Kos penyediaan pelaporan yang rendah kerana hanya melibatkan data tentang penerimaan dan pembayaran tunai tanpa perlu membuat catatan pelarasan.	Perbandingan prestasi di antara satu tempoh dengan tempoh yang lain tidak dapat dilakukan dengan tepat kerana asas tunai tidak memadankan hasil dan belanja dalam tempoh yang sama.

ASAS AKRUAN

KEBAIKAN	KELEMAHAN
Menyediakan maklumat yang lebih tepat dan lengkap di mana ia merekodkan kesemua urus niaga hasil dan belanja sebenar yang berlaku dalam sesuatu tempoh.	Memerlukan proses perekodan yang lebih sukar akibat dari perlunya penyediaan catatan pelarasan pada akhir sesuatu tempoh bagi memastikan semua hasil dan belanja dilaporkan dengan tepat.
Memberi gambaran yang lebih tepat tentang prestasi operasi dan kedudukan kewangan Kementerian kerana mengambil kira semua hasil dan belanja dalam sesuatu tempoh tanpa mengambil kira pergerakan tunai sebenar.	Memerlukan pendedahan maklumat yang banyak dan melibatkan kos yang tinggi.
Meningkatkan kebolehbandingan penyata kewangan dari satu tempoh ke tempoh yang lain kerana ianya mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum.	Menyukarkan penentuan dan perancangan tunai kerana ianya tidak menunjukkan aliran tunai serta lebihan atau kurangan tunai dalam sesuatu tempoh.